

30/12/2001

Sila ke rumah terbuka!

Zainuddin Ayip

SELEPAS beraya dan menghabiskan cuti bersama keluarga di kampung, sebahagian besar penghuni kota sudah kembali ke rumah masing-masing untuk bekerja, berniaga dan menyambung kuliah selain membuat persiapan membeli keperluan sekolah.

Namun, ada yang merancang meneruskan tradisi rumah terbuka Aidilfitri bagi menjemput jiran, kenalan, pekerja dan rakan sepejabat. Lazimnya mereka membuat pada hari Sabtu dan Ahad sepanjang Syawal, manakala tiada hari dikhususkan untuk jiran tetangga.

Acara rumah terbuka memang amalan unik pada setiap perayaan di negara ini. Juadah istimewa dihidangkan. Selain ketupat, lemang, rendang dan sate, ada yang menghidangkan pelbagai jenis mi, rojak dan kuih tradisional.

Kemuncak rumah terbuka tercetus di Johor Bahru, Sabtu lalu apabila lebih 100,000 rakyat pelbagai kaum termasuk kira-kira 10,000 pelancong terutama dari Singapura, menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat kebangsaan di Dataran Bandaraya Johor Bahru.

Rakyat Johor keluar beramai-ramai ke majlis yang turut dihadiri Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Hadir sama Sultan dan Sultanah Johor; Tengku Mahkota Johor; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmud serta Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, pula mengetuai rombongan tujuh Menteri Kabinet republik itu sebagai wakil negara itu ke majlis gilang gemilang itu.

Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri turut meluangkan masa beramah mesra dengan rakyat dan pelancong asing yang menghadiri majlis anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Kerajaan Johor itu.

Acara tahunan berlangsung dengan penuh meriah itu juga mendapat liputan kira-kira 600 wakil pelbagai media dari Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura. Sepanjang acara rumah terbuka bermula jam 10 pagi hingga 4 petang semalam, orang ramai dihiburkan dengan pelbagai acara kebudayaan.

Perdana Menteri sendiri mengadakan majlis rumah terbuka di kediaman rasmi beliau di Sri Perdana, Putrajaya, pada hari raya pertama dan kedua.

Rumah terbuka pada hari kedua, khususnya bagi orang kenamaan dan jemputan khas, termasuk duta asing. Antara yang hadir Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Bruce Cleg-horn, Jean C McCloskey (Kanada), Mac Price (New Zealand), K Kesa-vapany (Singapura), Daniel Mulhall (Ireland) dan Baudouin de Callatay (Belgium).

Di Kepala Batas, lebih 50,000 penduduk setempat dan pemimpin masyarakat hadir pada majlis rumah terbuka Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pekarangan Pusat Khidmat Ahli Parlimen di situ.

Abdullah dan isterinya, Datin Seri Endon Mahmood sibuk melayan tetamu yang tidak henti-henti mengambil peluang bersalaman dengan pemimpin negara itu. Turut hadir Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isterinya, Puan Sri Chui Kah Peng, Exco kerajaan negeri dan pegawai kanan negeri.

Jamuan rumah terbuka sempena hari raya untuk rakan-rakan sepejabat dan

kenalan lain biasanya bersifat kasual, santai dan mesra. Perbualan ditumpukan mengenai keluarga, pekerjaan dan isu semasa.

Menyediakan juadah tempatan atau gabungan sajian tradisional dan Barat bukan soal utama. Yang penting tujuan kita mengadakan jamuan; untuk mempereratkan persaudaraan dan hubungan silaturahmi.

Biasanya jamuan hari terbuka ini diadakan secara bufet. Ia bukan saja memudahkan kita, malah turut menjimatkan ruang terutama bagi yang tinggal di pangsapuri. Ia juga bertujuan supaya tetamu boleh berkenal mesra ketika menjamu selera.

Untuk jamuan secara bufet, makanan dihidangkan di meja utama manakala sajian pencuci mulut dan air di meja lain. Jumlah pinggan mangkuk dan peralatan lain seperti sudu dan garpu serta napkin kertas seharusnya lebih daripada bilangan tetamu yang dijangka hadir. Letakkan ia pada satu sudut berhampiran juadah.

Pastikan makanan yang disediakan mencukupi untuk tetamu yang diundang. Tidak salah jika anda menyediakan lebih sedikit makanan untuk mengelakkan sebarang masalah tidak cukup makanan dan minuman.

Pilih menu yang sesuai dengan suasana makan. Biasanya makan secara bufet tidak menyediakan meja makan, apatah lagi bagi yang tinggal di rumah kecil. Jadi kerusi harus mencukupi.

Sekiranya juadah utama banyak mengandungi karbohidrat dan protein, maka untuk sajian pencuci mulut perlu dipelbagaikan.

Sebagai ganti, anda boleh menyediakan juadah yang bersifat ringan seperti agar-agar, koktel buah-buahan serta kuih-muih Melayu. Kita juga disaran menghidangkan buah-buahan yang dihiris kecil supaya memudahkan tetamu mengambilnya.

Sebenarnya, ketibaan Aidilfitri memang dinanti umat Islam kerana ia masa menyambut kemenangan selepas berjaya berpuasa selama sebulan pada Ramadan. Sambutan ini sangat bermakna kerana umat Islam berjaya menahan diri daripada lapar dan dahaga pada siang hari serta melawan pelbagai cabaran hawa nafsu sebagai menunaikan Rukun Islam ketiga.

Tradisi rumah terbuka harus dikekalkan walaupun masyarakat Melayu mengalami banyak perubahan hasil daripada kemajuan dan pembangunan negara. Walaupun cara hidup orang Melayu banyak berubah, namun tradisi kunjung mengunjung masih kekal hingga hari ini.

Tradisi ini juga berjaya menunjukkan ketinggian budi dan hubungan silaturahmi orang Melayu sejak zaman berzaman kerana setiap kali tiba Aidilfitri amalan ini tetap dikekalkan.

Aidilfitri dan menjelang tahun baru 2002 juga memberi kesempatan kepada umat Islam memperbaharui tekad untuk mengeratkan silaturahmi antara mereka khususnya dengan ahli keluarga, sanak-saudara, sahabat handai dan jiran tetangga.

Ketika menghadiri rumah terbuka sempena Aidilfitri dan Krismas, kita dinasihatkan tidak makan berlebihan kerana ia menyebabkan berat badan naik mendadak dalam tempoh singkat selain menimbulkan beberapa masalah kesihatan lain.

Ketua Bahagian Pemakanan Manusia Institut Penyelidikan dan Perubatan (IMR), Dr Tee E Siong, berkata lebih kalori yang tersimpan dalam badan apabila memakan makanan bergoreng dan berminyak akan menjadi lemak seterusnya menyebabkan pertambahan berat badan.

Selain lemak, kadar glukos dalam darah turut meningkat dengan pengambilan makanan manis.

"Bukan saja umat Islam, bahkan sesiapa pun terutama pada musim perayaan ini akan makan berlebihan terutama ketika berkunjung ke rumah terbuka.

"Jika mereka tidak berdisiplin menjaga pemakanan ketika berkunjung ke rumah terbuka, tidak mustahil berat badan akan bertambah dalam masa dua hingga tiga minggu selain risiko menghadapi penyakit darah tinggi, kencing

manis dan sakit jantung," katanya ketika mengulas kesan makan berlebihan terutama pada musim perayaan.

(END)